

TUNKU SERU NEGARA2 ISLAM TUBUHKAN BADAN DAKWAH BERSATU

KELANG, Isnin — Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), Tunku Abdul Rahman menyeru negara-negara Islam bersatu menubuhkan badan dakwah Islamiah dan kebajikan bagi mengembang dan mengukuhkan lagi imeg agama Islam di seluruh dunia.

Tunku berkata badan tersebut akan dapat memberi bantuan sewajarnya kepada umat Islam di negara-negara miskin akibat dilanda oleh peperangan dan ancaman komunis.

Berucap di majlis sambutan Maulud Nabi s.a.w. anjuran Perkim ranting Kelang di sini malam tadi, Tunku berkata cadangan menubuhkan badan itu adalah selaras dengan pertubuhan lain seperti Komonwel Islam dan Bank Pembangunan Islam.

Kata Tunku, soal tersebut akan dibincangkan secara mendalam di Mesyuarat Perkim Pusat bulan Julai depan.

Tunku juga mengumumkan bahawa tiga negara Islam iaitu Jamahiriah Libya, Arab Saudi dan Kuwait bercahng mengutip derma berjumlah \$21 juta untuk diserahkan kepada Perkim bagi memperluaskan kegiatannya.